

UMS jayakan Bengkel Hands On Perpustakaan Digital PNM

UB 2-11-16 A5

KOTA KINABALU: Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Kumpulan Sabah telah menganjurkan Bengkel *Hands On* Perpustakaan Digital PNM di UMS, baru-baru ini.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari di Makmal Saham, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) dan Makmal Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) itu dihadiri seramai 200 peserta

terdiri daripada pelajar UMS, pustakawan dan penjawat awam agensi negeri dan persekutuan di Sabah.

PNM dalam kenyataannya menjelaskan objektif pengajuran bengkel itu adalah bagi membudayakan para penjawat awam di Malaysia untuk menjadikan Perpustakaan Digital PNM sebagai medium utama rujukan maklumat, selain meningkatkan usaha bagi menggalakkan lebih ramai pengguna merujuk kepada maklumat yang sahih.

Bengkel *Hands On* Perpustakaan Digital PNM juga adalah selaras


dengan usaha PNM untuk meningkatkan statistik penggunaan selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu pencapaian sebanyak 3 juta pengguna pada tahun 2016, serta meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya amalan membaca dan literasi maklumat dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Melalui bengkel itu, peserta telah diberi tunjuk ajar secara spesifik untuk menggunakan pangkalan data yang terdapat di dalam Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM.

Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM adalah salah satu daripada Pelan Transformasi MOTAC dibawah inisiatif Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Portal Perkhidmatan Sumber Elektronik PNM (PNM Digital) mula diperkenalkan pada April 2012 dan portal ini merupakan portal utama yang membolehkan rakyat Malaysia mengakses pelbagai maklumat dari pangkalan data yang dilanggar dan juga inisiatif digital PNM.

Perkhidmatan ini boleh diakses melalui url: www.pnmdigital.gov.my.



BENGKEL *Hands On* Perpustakaan Digital PNM yang diadakan di Makmal Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, baru-baru ini.